

# Kelonggaran dalam PKPB bukan bermakna boleh kembali kepada kehidupan cara biasa

**KUALA LUMPUR:** Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula 4 Mei lepas, yang menyaksikan sebahagian besar aktiviti ekonomi dan sosial dibenarkan untuk beroperasi semula, bukanlah bermakna orang ramai boleh kembali kepada kehidupan mereka sebelum PKP dikuatkuasakan.

PKP telah dikuatkuasakan selama 47 hari bermula 18 Mac bagi membendung penularan virus COVID-19 dan setelah melalui empat fasa dengan peraturan yang ketat dan menunjukkan kejayaan dalam memastikan jangkitan COVID-19 semakin berkurangan, PKPB dilaksanakan pula dengan kelonggaran tertentu tetapi perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan Kementerian Kesihatan (KKM).

Keputusan diambil kerajaan itu pastinya berdasarkan garis panduan antarabangsa Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan nasihat daripada Kementerian Kesihatan (KKM) serta Majlis

Keselamatan Dalam Negeri yang mana pematuhan terhadap SOP perlu dititikberatkan oleh semua majikan dan pekerja serta orang ramai.

Pengarah Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Madya Dr Mohd Rafee Baharudin berkata kelonggaran beroperasi yang diberikan kerajaan kepada syarikat dalam tempoh PKPB bukan lesen untuk memulakan operasi seperti sedia kala.

“Majikan mestilah mempunyai mekanisme bagi memantau setiap pekerja mereka supaya sentiasa mematuhi SOP KKM. Satu pemeriksaan ke atas pematuhan itu mestilah dibuktikan oleh majikan kepada pihak berkuasa yang dilantik.

“Perkara ini sangat penting memandangkan tahap pengetahuan dan kesedaran dalam kalangan pekerja adalah berbeza-beza. Perbezaan kefahaman dan amalan menjaga kebersihan ini perlu diberi keutamaan yang sewajarnya oleh majikan,” katanya kepada Bernama.

Mohd Rafee berkata setiap pekerja juga hendaklah menjalani latihan kesedaran dan membuat aku janji akan mematuhi setiap langkah pencegahan penularan virus COVID-19.

“Sikap buat tidak tahu atau mengambil jalan mudah akan memungkinkan bakal wujud satu kluster baharu di tempat kerja,” katanya.

Beliau turut menasihatkan pekerja mengamalkan aspek pengurusan sendiri seperti mengisytihar status kesihatan harian dengan jujur dan sekiranya mempunyai gejala demam, batuk, sakit tekak dan kesukaran bernafas, segera maklumkan kepada majikan untuk mendapatkan rawatan lanjut.

Bagi Timbalan Pengarah Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) Prof Dr Jamal Othman, PKPB adalah satu pendekatan menyeimbangkan keperluan untuk aktiviti ekonomi berfungsi demi kelangsungan mata pencarian dan keperluan untuk membendung penularan wabak COVID-19.

“Kita menganggap pan-

demik ini akan terus bersama kita untuk satu tempoh yang agak lama. Namun ekonomi perlu dibenarkan berfungsi secara terkawal demi kemashlahatan dan kesejahteraan masyarakat. Jika PKP diteruskan, misalnya untuk dua minggu lagi tanpa stimulus ekonomi, negara boleh mengalami kerugian sebesar dua peratus daripada nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK),” katanya.

Beliau, yang juga Ketua Kluster Ekonomi dan Kesejahteraan Sosial Akademi Profesor Malaysia berkata, telah tiba masanya kerajaan melaksanakan PKPB setelah mengambil kira petunjuk-petunjuk kesihatan dan keperluan membuka ekonomi demi kelangsungan mata pencarian rakyat.

Bagaimanapun, katanya sangat penting difahami PKPB tidak bermakna rakyat telah keluar daripada PKP, bahkan mereka perlu memberikan kerjasama untuk mematuhi syarat-syarat PKPB agar penularan pandemik COVID-19 dapat terus dibendung. — Bernama